

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [ SETIAWANGSA ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan pembinaan rumah PPR, kos rendah, Rumawip, Residensi Wilayah dan mampu milik di Kuala Lumpur setiap tahun dari 2015-2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, Jumlah unit rumah bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur sejak diperkenalkan sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak 38,395 unit. Bagi program Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur pula, jumlah unit yang tersedia sejak diperkenalkan sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak 23,614 unit. Manakala program perumahan mampu milik Residensi Wilayah (dulu dikenali sebagai RUMAWIP), telah menyediakan sejumlah 54,479 unit rumah di Kuala Lumpur semenjak tahun 2014.

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan melaksanakan program perumahan mampu milik baharu iaitu Residensi Prihatin bagi membantu golongan berpendapatan rendah B40 untuk memiliki sendiri di Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.